

Senarai 60 Balai Polis (BP) baru yang akan dibuka di premis sewa di empat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) mulai 15 Februari serta lokasinya

<p>IPK Kuala Lumpur</p> <p>■ IPD Brickfields BP Kerinci, rumah kedai Desa Aman 2 BP Taman Desa, rumah banglo 2 tingkat</p> <p>■ IPD Cheras BP Alam Damai, menaik taraf Pondok Polis Alam Damai BP Taman Midah, rumah kedai 2 tingkat kawasan pembangunan BP Taman Segar, rumah kedai 2 tingkat di Taman Segar BP Sri Permaisuri, rumah kedai 4 tingkat di Taman Permaisuri</p> <p>■ IPD Dang Wangi BP Bukit Bintang, bangunan milik persendirian BP Putra, Wisma Yap Kwee Hong No 123 Jalan Ipoh BP Kenanga, milik DBKL</p>	<p>■ IPD Pencala (IPD Baru Diwujudkan) BP Bangsar, Rumah kedai No. 2 Jalan Telawi 4 BP Sri Hartamas, menaik taraf Pondok Polis Mount Kiara</p> <p>■ IPD Sentul BP Sentul Raya, rumah kedai Sentul Raya BP Segambut, Plaza Sinar</p> <p>■ IPD Wangsa Maju (IPD Baru Diwujudkan) BP Sri Rampai, 17/19 Jalan Wangsa Delima 10, Wangsa Maju BP Danau, 4 tingkat Danau Kota Parade BP Dato' Keramat, Rumah kedai di Jalan Maktab 6</p> <p>■ IPK Selangor</p> <p>■ IPD Ampang Jaya BP Pandan Perdana, Ampang BP Ukay Height, Ampang</p>	<p>■ IPD Gombak BP Bandar Country Home BP Batu Caves, Selayang</p> <p>■ IPD Hulu Langat BP Bandar Tun Husain Onn, Cheras BP Taming Jaya, Kajang BP Bandar Sungai Long</p> <p>■ IPD Klang BP Bandar Baru Klang, Meru BP Taman Sentosa BP Kapar, Klang</p> <p>■ IPD Kuala Selangor BP Saujana Utama</p>	<p>■ IPD Petaling Jaya BP Tropicana Petaling Jaya</p> <p>■ IPD Shah Alam BP Setia Alam di U13 BP Seksyen 7, Shah Alam</p> <p>■ IPD Subang Jaya BP Lembah Subang BP Petaling Jaya Selatan BP Bandar Putri Puchong BP Taipan, Subang Jaya BP Taman Kinrara BP Damansara Damai</p>	<p>Lokasi Rumah Kedai Kontinjen Johor</p> <p>■ IPD Johor Bahru Utara BP Kempas, IPD Johor Bahru Utara BP Taman Iskandar, IPD Johor Bahru Selatan BP Taman Perling, IPD Johor Bahru Utara</p> <p>■ IPD Kulai BP Kelapa Sawit BP Seelong BP Indrapura</p> <p>■ IPD Nusajaya BP Bukit Indah BP Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor BP Mutiara Rini</p>	<p>■ IPK Pulau Pinang IPD Barat Daya BP Sungai Korok BP Sungai Pinang</p> <p>■ IPD Seberang Prai Selatan BP Taman Tasik Mutiara BP Taman Seruling Emas</p> <p>■ IPD Seberang Prai Tengah BP Sunway Carnival Mall BP Auto City BP Hospital Seberang Jaya</p> <p>■ IPD Seberang Prai Utara BP Mak Mandin 11 BP Bertam Perdana</p>	<p>■ IPD Seberang Prai Tengah (Selatan) BP Batu Kawan, Seberang Prai Selatan BP Sungai Acheh, Seberang Prai Selatan</p> <p>■ IPD Seberang Prai Utara BP Kuala Muda, Seberang Prai Utara</p> <p>■ IPD Timur Laut BP Island Park BP Desa Permai Indah BP Pantai Jerjak</p>
---	--	---	--	---	---	---

PDRM buru jenayah sifar

BH 12/2/08 M/S 9

Peruntukan RM6b pastikan keselamatan negara terjamin

4 tahun berlalu

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,
Nahar Tajri dan Iftwan Tun Tuah

PERUNTUKAN RM6 bilion dalam Bajet 2008, selain berbilion-bilion ringgit bagi membina pelbagai kemudahan, termasuk kuarters dan balai polis dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dilihat sebagai usaha dan komitmen berterusan kerajaan untuk memantap dan memodenkan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sebagai pulangan, PDRM dikehendaki mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bebas jenayah dan selamat untuk penduduk, pelancong atau pelabur yang datang ke ne-

pada polis, termasuk menerusi Rakan Cop, sekali gus menyebabkan lebih banyak kertas siasatan dibuka berdasarkan laporan diterima, berbanding dulu.

Apapun, Perdana Menteri tidak memandang sepi masalah jenayah yang berlaku di negara ini, sebaliknya mengumumkan pelbagai pendekatan proaktif membendungnya.

Ia termasuk menerusi Pelan Strategik 5 Tahun PDRM (2007-2011) dilancarkan sendiri Perdana Menteri ketika sambutan Hari Polis Ke-200, tahun lalu. Pelan itu merangkumi rancangan meningkatkan kualiti perkhidmatan PDRM sebagai pasukan yang terbilang pada peringkat global.

Perdana Menteri sendiri menegaskan kerajaan komited membanteras jenayah kerana keselamatan awam adalah prasyarat untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat. Malah,

Pada fasa pertama, 55 Pondok Komuniti dan 60 balai baru atau dikenali Balai Polis Pengoperasian (BPP) akan mula beroperasi di empat negeri berkenaan, baki 47 BPP pula dibuka secara berperingkat mulai 15 Mac dan 15 April ini.

"Kita mahu pastikan rakyat merasai dan melihat kehadiran polis. Apabila anggota kita dilihat di mana-mana, maka ia dari segi psikologi akan menakutkan orang melakukan jenayah, sekali gus membantu mengurangkan kes jenayah," kata Musa.

Musa menegaskan pendekatan itu juga memudahkan polis mendapatkan banyak maklumat jenayah menerusi maklumat risikan berdasarkan hubungan baik anggota di Pondok Komuniti dengan masyarakat.

Kerajaan turut meluluskan permohonan PDRM mengambil 500 pegawai polis dan anggota bersara sebagai tenaga pengajar di pusat latihannya.

1. Pelan Strategik 5 tahun PDRM (2007-2011)

- Menambah 60,000 anggota baru dalam tempoh lima tahun supaya anggota PDRM mencapai 157,000 orang.
- Melengkapkan semua IPD dengan Unit Siasatan Tempat Jenayah (CSI), komponen penting dalam siasatan jenayah.
- Mengambil 20,000 pegawai penyiasat dalam tempoh lima tahun, tambahan kepada 7,000 pegawai penyiasat di seluruh negara.
- Mensasarkan kadar penyelesaian kes sebanyak 50 peratus setahun menjelang 2011, berbanding hanya 38 peratus ketika ini.

2. Butiran Bajet 2008 Berkaitan PDRM

- RM6 bilion diperuntukkan kepada PDRM bagi 2008.
- Meningkatkan pengawasan polis, terutama di kawasan berisiko tinggi berlaku jenayah.
- Pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat akan dibekalkan tambahan 2,000 unit kereta nasional dan 1,600 komputer, manakala, 1,900 motosikal disediakan untuk aktiviti pengawasan dan rondaan polis.
- Unit Bergerak Forensik akan ditubuhkan di setiap kontinjen polis.

pelancung atau pelabur yang datang ke negara ini.

Apa yang diminta rakyat adalah kebebasan untuk bergerak dan melakukan tugas seharian tanpa takut. Begitu juga rakyat asing, khususnya pelancong tidak bimbang bersiar-siar, walaupun ketika bersendirian di mana-mana lorong terpencil.

Sememangnya diakui sebagai negara yang pesat membangun, kadar jenayah juga dijangka naik dan menjadi lebih kompleks, namun ia mestilah pada peringkat terkawal.

Pada masa ini, peningkatan berterusan pelaburan langsung asing (FDI) adalah tanda keyakinan warga asing terhadap kejayaan PDRM mengawal keselamatan negara, walaupun ada peningkatan indeks jenayah.

Meskipun perangkaan terbaru mendapati, indeks jenayah meningkat sebanyak 14,910 kes atau 7.12 peratus kepada 224,298 tahun lalu berbanding 209,388 kes pada 2006, peningkatan itu bukan bermakna kerajaan atau polis hilang kawalan terhadap jenayah.

Hakikatnya, kadar jenayah di Malaysia masih rendah berbanding beberapa negara jiran dan jauh lebih baik daripada negara maju seperti Amerika Syarikat yang melaporkan setiap minit berlaku pembunuhan/serangan dan rogol.

Seperti ditegaskan Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, peningkatan itu berlaku kerana polis menambah lima kategori baru kepada indeks jenayahnya pada 2006, menjadikan semuanya 19.

Kelima-lima indeks baru – ugutan jenayah, menjatuhkan maruah, pemerasan, menyebabkan kecederaan dan merusuh dalam kumpulan lebih lima orang, mencatat angka tinggi, sekali gus menyumbang kepada peningkatan keseluruhan indeks berkenaan.

Peningkatan itu sememangnya dijangka kerana penambahbaikan perkhidmatan polis termasuk kecekapan pentadbiran dan sistem penyampaian, peningkatan kapasiti kepakaran, peralatan, kemudahan, pendekatan mesra rakyat meningkatkan keyakinan dan memudahkan masyarakat membuat laporan dan memberi kerjasama ke-

pastikan keselamatan rakyat. Malah, setakat ini, 85 peratus daripada cadangan melalui Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM sudah dilaksanakan untuk memperkemas lagi organisasi pasukan itu.

Terbaru, Perdana Menteri ketika lawatan kerja beliau ke Bukit Aman baru-baru ini, mengumumkan enam strategi membantaras jenayah.

Ia termasuk, cadangan mewajibkan pemilik atau penyewa bangunan memasang kamera litar tertutup (CCTV), menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada pegawai dan anggota polis mempunyai rekod perkhidmatan baik yang akan bersara atau sudah bersara serta menambah pusat latihan polis.

Selain itu, beliau menyarankan PDRM menyewa rumah kedai di kawasan strategik di bandar kecil dan pekan untuk dijadikan pondok polis supaya kehadiran anggota polis di tengah masyarakat secara automatik menjadi penghalang dan meningkat keyakinan rakyat.

Kesungguhan Perdana Menteri mahu jenayah indeks diturunkan diterjemahkan dengan pantas oleh PDRM. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengumumkan pelaksanaan beberapa pendekatan, tidak sampai tiga minggu selepas Perdana Menteri membuat lawatan kerjanya ke Bukit Aman.

“Kami bekerja 24 jam memastikan arahan Perdana Menteri segera dilaksanakan. Pendekatan memerangi jenayah akan dibuat secara bersepadu,” kata Musa ketika ditemui baru-baru ini.

Antara pendekatan segera diumumkan Musa adalah pengambilan 3,000 pegawai dan anggota bersara secara kontrak serta pembukaan 107 balai polis baru dan 55 Pondok Komuniti bagi membantaras jenayah dan merapatkan hubungan polis dengan masyarakat dengan tumpuan di Johor, Pulau Pinang, Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebelum diperluaskan ke negeri lain secara berperingkat.

Penubuhan balai baru dan Pondok Komuniti dianggar memerlukan kos hampir RM78 juta setahun akan dimulakan Jumaat ini, manakala pengambilan 400 pegawai dan anggota kontrak bagi fasa pertama, bermula Mac.

pusat latihannya.

PDRM juga mengumumkan dasar mengedulkan pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (PD) yang terlalu luas kawasan pentadbirannya supaya tugas membantaras jenayah di sesuatu kawasan dapat dilakukan lebih mudah dan berkesan.

Semua balai polis di bandar utama akan dibahagikan kepada empat kategori iaitu kategori A dengan kekuatan 250 anggota, kategori B (200 anggota), kategori C (160 anggota) dan kategori D (60 anggota), dengan hasrat mencapai nisbah seorang anggota bagi 250 penduduk.

PDRM juga sedang berbincang untuk menggunakan pusat latihan awam bagi melatih rekrut baru supaya dapat meningkatkan pengambilan sehingga 7,000 orang setahun, berbanding 3,000 ketika ini.

Bagi memantapkan lagi usaha mencegah jenayah, Musa turut mengumumkan pengambilan lebih ramai kakitangan awam melakukan tugas pejabat mengambil alih tugas pegawai beruniform yang akan diturunkan ke bawah bagi melakukan tugas operasi.

Dalam konteks kerjasama dan meningkatkan kesedaran masyarakat mencegah jenayah, pelbagai badan termasuk Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) memainkan peranan menyedarkan masyarakat terhadap perkara itu.

Malah, modul terbaru iaitu Pencegahan Jenayah yang akan diperkenalkan kepada pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga antara pelan jangka panjang kerajaan untuk menanam sikap benci jenayah dan membendung kegiatan tidak sihat di kalangan belia.


Musa menaruh keyakinan tinggi pendekatan bersepadu yang dirancang akan mencapai matlamat mengurangkan jenayah jika mendapat kerjasama segenap lapisan warga PDRM dan masyarakat.

Bagaimanapun, segala usaha itu tidak akan membawa sebarang kejayaan jika rakyat sendiri tidak proaktif, mengambil langkah keselamatan sesuai selain membuat aduan terhadap setiap jenayah.

Soal peningkatan indeks jenayah tidak membimbangkan kerajaan, yang penting lebih ramai tampil untuk bekerjasama dan mendedahkan kes jenayah di kawasan masing-masing.

■ Kerajaan akan memasang lebih banyak CCTV yang dihubungkan ke pusat kawalan polis.

■ Bagi menyokong sektor swasta mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan mereka, terutama di premis kilang, Elau Modal Dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh satu tahun akan diberi ke atas pembelian alat kawalan dan keselamatan.



3. Enam Pendekatan Membantaras Jenayah diumumkan Perdana Menteri

■ Mewajibkan pemilik atau penyewa bangunan memasang CCTV. Peruntukan khas RM75 juta untuk memasang kemudahan itu di beberapa kawasan strategik seluruh negara.

■ Menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada pegawai dan anggota polis mempunyai rekod perkhidmatan baik yang akan bersara dengan tangga gaji yang dinikmati ketika dalam pekerjaan.

■ Menawarkan pekerjaan secara kontrak kepada pegawai dan anggota yang sudah bersara dengan jawatan terakhir dipegang.

■ Mengambil lebih ramai orang awam untuk memenuhi jawatan seperti perkeranian, perhubungan awam dan sumber manusia supaya anggota polis dapat tumpukan tugas kepolisian.

■ Menambah pusat latihan polis.

■ Meminta pemaju perumahan menyediakan beberapa pintu daripada rumah kedai berderet untuk dijadikan balai polis.

4. Langkah PDRM bagi membantaras jenayah tahun ini

■ 3,000 pegawai dan anggota bersara secara kontrak akan diambil bermula Mac. Fasa pertama membabitkan pengambilan 400 pesara atau yang akan bersara sehingga akhir Jun.



Ciri-Ciri - Pengambilan berdasarkan kontrak 2+1 sehingga usia mencapai 60 tahun

- Diberi gaji terakhir serta menerima semua elaun/emolumen seperti anggota lain.
- Mempunyai kuasa polis yang sama dengan pegawai dan anggota tetap.
- Kumpulan pesara yang diambil hanya yang berpangkat Superintendan dan ke bawah.

- 500 pegawai dan anggota polis bersara secara kontrak sebagai pensyarah/tenaga pengajar di Maktab PDRM di Kuala Lumpur dan 13 Pusat Latihan PDRM seluruh negara. Kumpulan pertama iaitu masing-masing 9 dan 40 orang akan mengajar di Maktab PDRM dan Pulapol KL 1 Mac. Seramai 37 lagi akan mula bertugas di Pulapol KL pada Julai.

Ciri-ciri - Tidak mempunyai kuasa polis

- Mereka yang diambil terdiri daripada 9 berpangkat Senior Asisten Komisioner, Superintendan (78), Asisten Superintendan (113) dan Sarjan (300).
- 107 balai baru yang dinamakan Balai Polis Pengoperasian. Fasa pertama membabitkan 60 balai itu di Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Kuala Lumpur.

Beroperasi di premis rumah kedai atau komersial

- Diketuai seorang Sarjan, 1 koperal dan 6 Lans Koperal/Konstabel.
- 55 Pondok Komuniti Polis.

Beroperasi di taman perumahan yang disewa

- Dianggotai dua Lans Koperal/konstabel.
- Bertugas 24 jam dan menjalankan tugas seperti anggota lain termasuk menerima laporan polis.
- Anggota keluarga tinggal bersama di premis itu.
- Diarah mengadakan hubungan rapat dan mengenali masyarakat setempat.

PERKASA KEMAMPUAN: Peruntukan diberikan dalam RMK-9 dilihat sebagai usaha dan komitmen berterusan kerajaan untuk memantapkan dan memodenkan PDRM.